

UNIT 2: Prihatinnya Kita

• Tema 1: Kemasyarakatan

DSKP TATABAHASA

Buku Teks: m.s. 12

Teliti gambar. Kemudian, isi tempat kosong dengan kata nama khas yang betul. DSKP: SP5.1.1(ii)

KBAT Menganalisis



Kata Nama Khas



Beberapa orang wakil penduduk Taman Muhibah mahu melawat ke rumah anak-anak yatim. Mereka berkumpul di (1) Dataran Utama Taman Muhibah.

Mereka bertolak pada pukul 8:30 pagi. Mereka menaiki bas berjenama (2) Permata. Bas itu dipandu oleh (3) Rahman.

Setibanya di satu simpang, Encik Rahman membelokkan bas ke arah (4) Jalan Keruing. Mereka berkesempatan membeli barang-barang keperluan di (5) Pasar Raya Salam untuk anak-anak yatim.

Pada pukul 9:45 pagi, mereka sampai di (6) Rumah Anak-anak Yatim An-Nur.

Nama pengurus di situ ialah (7) Encik Mazlan bin Musa. Pembantu beliau ialah (8) Puan Radiyah binti Zailan dan (9) Encik Jamil bin Ismail.

Mereka membersihkan tempat itu dengan menggunakan vakum berjenama (10) CANGGIH. Sebelum pulang, mereka makan bersama-sama dengan anak-anak yatim di situ.